



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12.00 tengah hari, 11 Mac 2025

Untuk Terbitan Media

11 Mac 2025

SIARAN MEDIA: EMPOWERHER CAREER FAIR TAWAR JAWATAN BERGAJI RM13,000 KE RM 16,000, PELUANG ATURAN KERJA ANJAL (FWA)

KUALA LUMPUR, 11 Mac – Jawatan seperti Pengurus Projek, Pengurus Perkhidmatan dan Konsultan Teknikal dengan gaji antara RM13,000 hingga RM16,000 merupakan antara kekosongan ditawarkan pada *EmpowerHer Career Fair* pada 14 dan 15 Mac ini.

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam satu kenyataan berkata, karnival kerjaya yang bakal dianjurkan di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) itu turut menawarkan 5,000 kekosongan buat pencari kerja.

Antara majikan yang terlibat adalah Jabatan Peguam Negara, Malaysia Aviation Group (MAG), Air Asia, Airbus Helicopters Malaysia, Baker Hughes, IHH Healthcare Malaysia, UiTM Private Specialist Centre dan Robert Bosch Sdn. Bhd.

Lebih menarik, karnival kerjaya yang berlangsung selama dua hari ini turut memberi fokus kepada penyediaan peluang pekerjaan dengan susunan aturan kerja anjal (FWA) sebagai usaha menyokong penyertaan wanita dalam dunia kerjaya.

Program anjuran Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) itu sejajar dengan tekad kerajaan untuk mewujudkan tempat kerja lebih inklusif dan seimbang, sekali gus merancakkan pasaran buruh negara.

“*EmpowerHer Career Fair* ini memberi pendedahan kepada wanita berkaitan fleksibiliti dalam waktu bekerja, yang mana mereka dapat menyesuaikan jadual kerja mengikut keperluan dan situasi peribadi tanpa menjejaskan prestasi kerja.

“Menerusi FWA, wanita akan lebih mudah mengimbangi komitmen antara kerja dan kehidupan peribadi mereka, sama ada untuk menjaga keluarga, mengejar pendidikan atau melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan,” menurut PERKESO dalam satu kenyataan hari ini.

Selain itu, turut diadakan pemeriksaan kesihatan wanita dari Majlis Kanser Negara dan Sehati PERKESO, bimbingan kerjaya, pameran agensi kerajaan serta swasta dalam karnival kerjaya selama dua hari itu.

Justeru, PERKESO menjemput semua pencari kerja khususnya daripada golongan wanita untuk hadir dan merebut peluang pekerjaan yang ditawarkan.

Untuk rekod, MYFutureJobs seliaan PERKESO telah melaksanakan sebanyak 169 Program Karnival termasuk Temuduga Harian dan Mingguan Khusus untuk Wanita sejak 2024 sehingga 21 Februari 2025, dengan 1,393 daripadanya telah berjaya mendapat tawaran pekerjaan termasuk menghadiri temuduga peringkat kedua.

Secara keseluruhan daripada 2020 sehingga 21 Februari 2025, seramai 575,238 pencari kerja dalam kalangan wanita telah berjaya ditawarkan pekerjaan menerusi perkhidmatan MYFutureJobs.

Untuk keterangan lanjut, anda boleh layari laman web www.myfuturejobs.gov.my.

##TAMAT##

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘no one left behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

11 Mac 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Ridauddin Daud (+6019-3265772)

ridauddin.daud@perkeso.gov.my